

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI SEKOLAH TUNAS BAKTI,
TELUK AIR TAWAR, BUTTERWORTH,
PULAU PINANG

OLEH:

FAUZIAH BINTI ABDUL KARIM
SARJANA MUDA KAUNSELING

Jabatan Psikologi Dan Kaunseling
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Universiti Malaysia Terengganu a KUSTEM

cm: 1984

1100053876



LP 10 FPE 1 2007



1100053876
Laporan akhir latihan industri di Sekolah Tunas Bakti, Teluk Air
Tawar, Butterworth / Fauziah Abdul Karim.

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

| | | |
|---|------------|--|
| 1 | 1100053876 | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

Lihat sebelah



PERAKUAN


Dengan ini saya Fauziah Binti Abdul Karim mengaku bahawa laporan Latihan Praktikum bagi kursus KOG 4399 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang telah dipelajari semasa menjalani latihan Praktikum semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Universiti Malaysia Terengganu tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan

Nama : FAUZIAH BINTI ABDUL KARIM

Tarikh :

Disahkan Oleh :



(EN. ABDULLAH BIN MOHAMED)

Penyelia Universiti Malaysia Terengganu @ KUSTEM

B/p Pengurusi Latihan Praktikum

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

Universiti Malaysia Terengganu @ KUSTEM

1100053876

SEKAPUR SIREH

Syukur kehadiran Illahi kerana dengan segala inayah dan kurnia-Nya, akhirnya saya dapat menyiapkan laporan mengenai latihan praktikum di Sekolah Tunas Bakti, Teluk Air Tawar, Butterworth, Pulau Pinang. Disebalik kegigihan dalam menyiapkan laporan praktikum yang dijalankan di institusi berkenaan selama enam bulan dimulai pada 4 Disember 2006 hingga 25 Mei 2007 terdapat beberapa pihak yang menjadi tulang belakang bagi menjayakan saya menjalankan latihan praktikum dan sekaligus dapat menyiapkan laporan berkaitan latihan praktikum ini. Tanpa pertolongan dan bantuan mereka tidak mungkin dapat saya merealisasikan kerja kursus bagi subjek yang bertajuk “Praktikum” (KOG 4399). Semoga dengan terhasilnya tugas ini seperti mana yang telah ditetapkan, diharapkan ia akan dapat memberikan maklumat dan ilmu pengetahuan yang boleh dimanfaatkan oleh semua golongan khususnya golongan akademik dan para mahasiswa.

Di sini, saya ingin merakamkan jutaan penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Terengganu atau dahulunya lebih dikenali sebagai Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) di atas segala usaha dan jasa baik, kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk mengikuti Program Praktikum Kaunseling. Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan institusi Sekolah Tunas Bakti, Teluk Air Tawar, Butterworth, Pulau Pinang kerana mengamalkan sikap keterbukaan dalam menerima saya ke dalam institusi tersebut bagi menjalani Program Praktikum Kaunseling.

Selain itu, jutaan terima kasih yang tidak terhingga dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada penyelia Universiti Malaysia Terengganu iaitu En. Abdullah Bin Mohamed di atas segala pengorbanan, nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan oleh beliau kepada saya. Sehubungan dengan itu juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia industri Sekolah Tunas Bakti, Teluk Air Tawar, Butterworth, Pulau Pinang iaitu En. Muhammad Bin Musa kerana telah

banyak membantu dan memberikan tunjur ajar kepada saya selama mengikuti Program Praktikum Kaunseling.

Sementara itu, sekalung penghargaan turut ditujukan kepada keluarga saya terutamanya kedua orang tua saya di atas pengorbanan, sokongan dan dorongan yang telah diberikan serta rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak melakukan perkongsian idea-idea bernas serta telah banyak menghulurkan bantuan dan bimbingan kepada saya selama menjalani latihan praktikum dan sehingga laporan ini dapat disiapkan dengan sempurna dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Akhir sekali, tidak lupa juga ingin saya ucapkan terima kasih kepada mana-mana pihak yang telah terlibat dalam menjayakan kerja kursus latihan praktikum samada secara langsung atau tidak langsung. Semoga Allah dapat membalas budi baik anda sekalian.

Semoga dengan terhasilnya laporan ini, diharapkan ia akan menjadi suatu aset yang bernilai dan berharga dalam mencari dan memantapkan segala potensi yang ada agar segala matlamat, wawasan dan impian yang menjadi sasaran dapat dicapai secara cekap dan berkesan.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Praktikum ini menerangkan tentang segala aspek pengalaman yang dilalui oleh pelatih sepanjang berada di Sekolah Tunas Bakti, Teluk Air Tawar, Butterworth, Pulau Pinang sama ada yang berlaku secara internal atau eksternal di organisasi ini. Sepanjang tempoh praktikum yang dilalui oleh pelatih, pelbagai pengalaman, ilmu pengetahuan, kemahiran-kemahiran, dan pendedahan yang telah diperolehi bagi membolehkan diri pelatih terisi dengan elemen-elemen yang bersifat *multi-purpose* yang bakal digunakan di dalam alam pekerjaan nanti. Sepanjang latihan ini juga, pelatih ditugaskan untuk menjalankan perkhidmatan kaunseling individu dan kaunseling kelompok yang menjadi *core business* di organisasi di samping menjalankan aktiviti-aktiviti yang lain. Pelaksanaan tugas ini mampu memantapkan serta mempertingkatkan skil pelatih dalam usaha menjadi seorang kaunselor yang berkesan apabila menamatkan pengajian nanti. Pemantapan ini adalah dari aspek pengendalian dan pentadbiran sesi kaunseling individu dan kelompok, pengaplikasian teori dan pendekatan kaunseling, pengaplikasian kemahiran-kemahiran asas kaunseling dan juga *attending behavior* dalam usaha melibatkan diri dalam perhubungan menolong. Selain itu juga, selama tempoh enam bulan pelatih di organisasi, pelatih dapat melihat beberapa permasalahan yang timbul di antaranya berkaitan dengan masalah kurangnya pendedahan tentang fungsi dan peranan unit psikologi dan kaunseling, masalah pelatih tidak diberi peluang untuk menghadiri mesyuarat staff dan masalah yang berkaitan dengan penghuni sekolah. Kesemua permasalahan ini tidak akan nampak ketara, sekiranya pihak-pihak tertentu mengambil tindakan yang berkesan dan cekap. Justeru itu, pelatih juga telah mengenalpasti dan menyenaraikan beberapa alternatif penyelesaian bagi mengatasi permasalahan tersebut dari perspektif pelatih sendiri. Oleh itu, laporan ini dihasilkan dengan tujuan untuk membolehkan pihak organisasi membuat post-mortem terhadap permasalahan yang dihadapi seterusnya mempertimbangkan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dan dihuraikan oleh pelatih. Hal ini dilakukan bagi meningkatkan *profesionalisme level* dan memperbaiki kualiti perkhidmatan yang telah disediakan oleh JKM di organisasi. Sehubungan dengan itu juga, perkara yang paling dan seharusnya diberi perhatian oleh pihak organisasi terhadap pembikinan laporan ini adalah, ia BUKAN bertujuan untuk memburuk-burukkan imej dan nama baik organisasi atau semata-mata mendedahkan kelemahan yang ada, tetapi ia adalah untuk kebaikan semua pihak terutama sekali untuk kebaikan penghuni yang kita sayangi dan para kakitangan yang berkhidmat di organisasi ini. Pelatih amat berharap, semoga pihak organisasi memandang baik akan usaha pelatih ini dan melihat perkara yang dibangkitkan tersebut secara positif dan kolektif demi membolehkan organisasi JKM mencapai segala matlamat yang telah ditetapkan secara cekap dan efektif, InsyaAllah.